

JOEL LIM DE QUAN v ABDUL RASID BIN SUDIN PENERUS, LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis

[2022] MLJU 92

Joel Lim De Quan Iwn Abdul Rasid bin Sudin Pengerusi, Lembaga Pencegahan Jenayah dan lain-lain [2022] MLJU 92

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

AHMAD KAMAL MD SHAHID H

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO WA-25-374-12 TAHUN 2020

27 January 2022

*Mohd Haijan bin Omar (Daljit Singh bersamanya) (Daljit Singh Partnership) bagi pihak pemohon.
Muhamad Safuan bin Azhar (Peguam Persekutuan) bagi pihak responden.*

Ahmad Kamal Md Shahid H:

Alasan PenghakimanPengenalan

[1]Pemohon telah memfailkan Permohonan Semakan Kehakiman (Lampiran 7) terhadap Responden-Responden untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:-

1.1 suatu Perintah Certiorari untuk membatalkan keputusan Responden Pertama dan/atau Responden Kedua mengeluarkan Perintah Pengawasan Polis di bawah seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah, 1959 (**Akta tersebut**) yang bertarikh 17.09.2020 (**Perintah Pengawasan tersebut**) supaya pemohon hendaklah, antara lain, dikehendaki tinggal dalam kawasan Mukim Chalok, Daerah Setiu, Negeri Terengganu mulai 17.09.2020 sehingga 16.09.2022 selama dua (2) tahun;

1.2 suatu perintah deklarasi bahawa Perintah Pengawasan tersebut yang dikeluarkan oleh Responden Pertama dan/atau Responden Kedua terhadap Pemohon adalah batal tidak sah dan/atau tidak berkuat kuasa di sisi undang-undang;

1.3 Gantirugi Am, teruk dan/atau teladan;

1.4 Kos; dan

1.5 Apa jua perintah dan/atau relif lain yang difikirkan patut dan/atau sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[2]Setelah meneliti dan menimbangkan segala kertas kausa, Hujahan Lisan dan Hujahan Bertulis kedua-dua pihak, mahkamah ini telah menolak Permohonan Pemohon di Lampiran 7.

[3]Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, Pemohon telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Latar Belakang Kes

[4] Pada 22.7.2020 Pemohon telah ditangkap di bawah Akta tersebut. Waran menahan untuk menahan Pemohon selama 21 hari mulai 23.7.2020 telah dibenarkan oleh Majistret.

[5] Pada 07.08.2020 Insp. Polis Raveendharan AIL Sangaran telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon kepada Aziatul Afrizan binti Alias, Pegawai Inkuiri.

[6] Pada 12.08.2020 Waran menahan untuk menahan Pemohon selama 38 hari mulai 12.08.2020 hingga 18.09.2020 telah dibenarkan oleh Majistret.

[7] Pada 13.08.2020 Insp. Polis Raveendharan AIL Sangaran telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (**LPJ**).

[8] Pada 17.08.2020 Aziatul Afrizan binti Alias telah menjalankan inkuiri ke atas Pemohon dan pada 10.09.2020 beliau telah mengemukakan laporan dan Dapatan kes Pemohon kepada **LPJ**.

[9] Pada 17.09.2020 jam 9.30 pagi LPJ telah bersidang untuk mempertimbangkan laporan dan Dapatan serta laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon. LPJ mengesahkan dapatan Aziatul Afrizan binti Alias.

[10] **LPJ** kemudiannya telah memaklumkan Timbalan Pendaftar Penjenayah untuk memasukkan nama Pemohon dalam Daftar.

[11] Setelah dimaklumkan oleh Timbalan Pendaftar Penjenayah bahawa nama Pemohon telah didaftar di dalam Daftar di bawah seksyen 12 (1) Akta tersebut, pada 17.09.2020 jam 11 pagi LPJ telah bersidang dan telah mengeluarkan Perintah Pengawasan tersebut.

Hujahan Pemohon

[12] Pemohon menghujah bahawa Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak sah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atas sebab-sebab dan alasan yang berikut:-

- i. seksyen 158 Akta tersebut adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan;
- ii. syarat yang dikenakan terhadap Pemohon, iaitu perenggan (f) di dalam ekshibit 'JL-1' Affidavit Sokongan Pemohon adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan;
- iii. serahan Perintah Pengawasan tersebut ke atas Pemohon tidak menurut peruntukan Akta tersebut dan/atau undang-undang sedia ada yang berkenaannya;
- iv. alasan-alasan atas mana Pemohon diarahkan untuk pengawasan sepertimana dinyatakan di dalam Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak termasuk dalam lingkungan dan skop Akta yang digunapakai oleh Responden untuk perintah pengawasan tersebut; dan
- v. tiada peruntukan dibuat dalam undang-undang tersebut untuk Lembaga sepertimana perlu di bawah Perlembagaan Persekutuan.

[13] Pemohon sesungguhnya mempercayai dan menyatakan bahawa Responden Pertama dan/atau Responden Kedua telah secara tidak munasabah dan/atau tergesa-gesa mengeluarkan Perintah Pengawasan tersebut tanpa menjalankan siasatan yang sempurna dan ini memprejudiskan Pemohon kerana alasan-alasan dan dakwaan-dakwaan fakta Perintah Pengawasan tersebut adalah tidak mempunyai asas dan bertentangan dengan undang-undang.

[14] Pemohon sesungguhnya menegaskan bahawa Pemohon tidak pernah pada bila-bila masapun terlibat dalam apa-apa aktiviti seperti yang dinyatakan dalam pengatahan-pengatahan fakta dalam Perintah Pengawasan tersebut.

[15] Oleh yang demikian segala alasan-alasan dan dakwaan yang dibuat terhadap Pemohon adalah tidak

berasas dan seterusnya tindakan Responden Pertama dan/atau Responden Kedua terhadap Pemohon adalah bersifat mala fide secara khususnya fakta-fakta atas mana Pemohon ditahan berlandaskan fakta-fakta yang salah.

[16] Pemohon juga menyatakan bahawa akibat tindakan Responden Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima, selaku majikan Responden Pertama sehingga Keempat sepertimana dinyatakan, Pemohon telahpun mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kehilangan di mana kebebasan Pemohon telahpun tersekat.

[17] Pemohon menyatakan bahawa tindakan Responden-Responden sama ada secara sendiri dan/atau bersama-sama sepertimana dinyatakan di atas adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, oppressif, arbitrari, mekanikal dan melulu yang telah menyebabkan kerosakan dan kehilangan seterusnya kepada Pemohon.

Undang-Undang

[18] Seksyen 10 Akta tersebut telah memperuntukkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Inkuiri untuk mengemukakan Dapatan dan laporan Inkuiri kepada LPJ.

[19] Seksyen 10 Akta tersebut telah memperuntukkan seperti berikut :-

“Report of Inquiry Officer

10.(1) If the Inquiry Officer is satisfied that there are no sufficient grounds for believing that the person who was the subject of the inquiry is a member of any of the registrable categories, he shall report his finding, together with his reasons for it, to the Board.

(2) If the Inquiry Officer is satisfied that there are reasonable grounds for believing that the person who was the subject of the inquiry is a member of any of the registrable categories, he shall report the grounds, together with his finding, to the Board.”

(penekanan diberikan)

[20] Berdasarkan kepada seksyen 10(1) Akta tersebut, jika Pegawai Inkuiri berpuas hati tiada alasan yang mencukupi untuk mempercayai Pemohon adalah ahli kepada mana-mana kategori yang boleh didaftarkan, maka Pegawai Inkuiri hendaklah melaporkan Dapattannya berserta dengan alasan-alasannya kepada LPJ.

[21] Manakala seksyen 10(2) Akta tersebut pula menyatakan jika Pegawai Inkuiri berpuas hati ada alasan yang mencukupi untuk mempercayai Pemohon ahli kepada mana-mana kategori yang boleh didaftarkan, maka Pegawai Inkuiri hendaklah melaporkan Dapattannya berserta dengan alasan-alasannya kepada LPJ.

Keputusan Mahkamah

[22] Peguam Pemohon yang terpelajar, Encik Mohd Haijan Omar semasa perbicaraan telah memaklumkan kepada mahkamah yang Pemohon akan hanya bergantung kepada satu isu sahaja untuk diujahkan bagi mencabar Perintah Pengawasan tersebut iaitu:-

“sama ada pihak LPJ adalah betul apabila mengeluarkan Perintah Pengawasan tersebut memandangkan terdapat percanggahan keterangan antara Pegawai Inkuiri dan LPJ berkenaan Dapatan dan laporan Inkuiri Kes.”

[23] Berdasarkan kepada keterangan yang terdapat di perenggan 14 Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) dan perenggan 6 Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 10) adalah tidak dipertikaikan bahawa Dapatan dan laporan Pegawai Inkuiri telah disediakan dan diserahkan oleh Pegawai Inkuiri kepada LPJ di bawah seksyen 10 Akta tersebut.

[24] Mahkamah mendapati pihak Pemohon tidak mempertikaikan mengenai pematuhan terhadap seksyen 10 Akta tersebut oleh Pegawai Inkuiri.

[25] Walau bagaimanapun percanggahan yang terdapat di dalam Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 10) telah menyebabkan Pemohon mempertikaikan di bawah peruntukan manakah sebenarnya Dapatan dan laporan Inkuiri tersebut disediakan dan dikemukakan. Adakah di bawah seksyen 10 (1) ataupun 10 (2) Akta tersebut?

[26] Peguam Pemohon terpelajar telah berhujah bahawa Pegawai Inkuiri telah mengemukakan Dapatan dan laporan Inkuiri di bawah seksyen 10(1) Akta tersebut. Manakala pihak LPJ telah menerima Dapatan dan laporan Inkuiri di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut.

[27] Menurut Pemohon, percanggahan ini menunjukkan Pegawai Inkuiri dan pihak LPJ telah gagal mengambil tindakan sewajarnya sebelum Perintah Pengawasan tersebut dikeluarkan oleh LPJ.

[28] Peguam Persekutuan terpelajar, Encik Muhamad Safuan pula telah berhujah bahawa kehendak prosedur mandatori di bawah seksyen 10 Akta tersebut telah dipatuhi dan menghujah Dapatan dan laporan Inkuiri Pemohon telah disediakan dan dikemukakan kepada LPJ di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut dan rujukan kepada seksyen 10(1) oleh Pegawai Inkuiri adalah disebabkan oleh kesalahan pengkeranian.

[29] Bagi menangani isu yang dibangkitkan oleh Pemohon, mahkamah ini mengambil pendekatan untuk melihat kepada keseluruhan kertas-kertas kausa yang difailkan di dalam kes ini terutamanya Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri, Aziatul Afrizan binti Alias dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ, Abdul Rasid bin Sudin bagi

. menentukan sama ada Dapatan dan laporan Inkuiri yang disediakan oleh Pegawai Inkuiri tersebut adalah di bawah seksyen 10(1) atau 10(2) Akta tersebut dan sama ada terdapat kesilapan pengkeranian seperti yang didakwa oleh Responden.

[30] Pendekatan mahkamah ini selari dengan nas undang-undang *PP v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 3 MLRH 88; [2008] 9 CLJ 657; [2008] 5 MLJ 426, Abang Iskandar Abang Hashim PK (sekarang Hakim Besar Sabah dan Sarawak) telah berkata: -

"[26] My reading of Tay Lay Beng's case (supra) has been that in order to vitiate a ministerial order of this nature, the omission or mistake that has been discovered on the face of record must be of such a nature that it has caused or occasioned a prejudice or injustice to the applicant. A mistake may be glaring, but if it has not prejudiced the applicant, it remained an innocuous one. For the mistake to be fatal to the order, it must be one that materially misleads the applicant in a manner that is so adverse to him, that no court of law can just stand idle and deny him any remedy such as a writ of habeas corpus. In assessing the impact of the mistake, the court is entitled to look at other available evidence before it, in its totality. The mistake must be tested to the events and ought not to be dealt with isolation or in a vacuum or in a void."

(penekanan diberikan)

[31] Sementara itu, Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali HMT di dalam Kes *Wan Muhd Ridhuan Wan Abdullah v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Anor* [2019] 1 LNS 1894 juga telah merungkai mengenai isu ini apabila beliau berkata seperti berikut:-

"[72] The absence of corrective affidavit cannot therefore in this case to be fatal. It cannot be as the error is plainly clerical in nature. In the case of *Public Prosecutor v. Chean Hua Sey & Ors* [2008] 5 MLJ 426 which involved an application for writs of habeas corpus challenging the validity of the detention orders by the Minister of Internal Security (The Minister) under Section 4(1) of the Emergency Ordinance (Public Order and Prevention of Crime) 1969 (the 1969 Ordinance) the

complaint was based on among others the ground that the issuance of two detention orders in respect of each applicant, one by Minister and the other purportedly by the Deputy Minister, had caused prejudice to them.

[73] The applicant referred to the notice of right to appeal served on the first applicant, wherein stated the word 'Timbalan Menteri' and thus inference were drawn that there could indeed be a second order issued by the Deputy Minister. The High Court rejected the argument, on the basis I now rely on too, as follows:

[47] In the circumstances such as those obtaining in these applications before me, I was of the considered view that as the references to the words "Timbalan Menteri" were mere typographical errors, no correcting affidavits needed to be filed. I have found that there existed sufficient evidence in the affidavits for me to so conclude. I also ruled that the applicants were not in any way prejudiced in any manner by the apparent mistake in the notice issued to them under section 5 of the said 1969 Ordinance, as evidenced by the real and actual appearance of these applicants before the advisory board which heard and considered their representations accordingly."

(penekanan diberikan)

[32] Dengan mengaplikasikan prinsip yang dinyatakan di dalam nas-nas undang-undang di atas dengan fakta kes yang terdapat di dalam kes ini dan setelah meneliti keseluruhan keterangan dari kedua-dua Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) dan Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 10), saya mendapati Pegawai Inkuiri telah menyediakan Dapatan dan laporan Inkuiri di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut dan pihak LPJ telah menerima Dapatan dan laporan Inkuiri di bawah seksyen 10 (2) Akta tersebut. Oleh itu, saya bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa terdapat kesilapan pengkeranian /menaip.

[33] Keputusan saya tersebut adalah berdasarkan kepada sebab-sebab yang berikut:-

a. Pegawai Inkuiri telah membuat Dapatan dan kesimpulan yang positif terhadap penglibatan Pemohon yang melibatkan anggota kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan iaitu Pemohon terlibat dengan kegiatan penipuan skim pelaburan yang tidak wujud. **Ini** jelas dapat dilihat melalui Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) di perenggan 13 apabila beliau berkata seperti berikut:-

13. Setelah mendengar dan menimbangkari keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh Pemohon, saksi-saksi dan keterangan-keterangan dalam Fail Kes Pemohon, **saya telah mendapati dan telah berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon adalah anggota kumpulan seramai dua atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan** dan oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam Kategori yang boleh didaftarkan di bawah perenggan 2, Sahagian I, Jadual Pertama, Akta tersebut iaitu **Pemohon terlibat dengan kegiatan penipuan skim pelaburan yang tidak wujud. Penglibatan Pemohon ini telah memudaratkan ketenteraman awam dan Pemohon perlu diambil tindakan di bawah Akta tersebut.** Saya telah menyediakan laporan bertulis yang mengandungi alasan-alasan serta Dapatan ke atas Pemohon sepertimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 10(1) Akta tersebut untuk dikemukakan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah.

(penekanan diberikan)

b. Daripada pengataan Pegawai Inkuiri di atas, jelas menunjukkan Dapatan Pegawai Inkuiri menunjukkan penglibatan positif Pemohon di dalam kegiatan penipuan skim pelaburan yang tidak wujud dan telah memudaratkan ketenteraman awam dan oleh itu Pemohon perlu diambil tindakan di bawah Akta tersebut. Sekiranya, Dapatan dan laporan Pegawai Inkuiri dibuat di bawah seksyen 10(1) Akta tersebut seperti yang didakwa Pemohon, tidak mungkin Pegawai Inkuiri membuat Dapatan yang positif seperti di atas dan mengatakan yang Pemohon perlu diambil tindakan di bawah Akta tersebut kerana kegiatan Pemohon tersebut telah memudaratkan ketenteraman awam. Oleh itu, jelas Dapatan dan laporan Pegawai Inkuiri tersebut di buat di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut.

c. Perkara ini telah dengan jelasnya dinyatakan di dalam Afidavit Jawapan Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) apabila beliau telah mengatakan Dapatan dan laporan Inkuiri tersebut telah disediakan dan dikemukakan di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut apabila beliau mengatakan di perenggan 15 Afidavitnya (Lampiran 11) seperti berikut:-

15. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa saya perlu mengambil masa untuk menyediakan dan mengemukakan laporan ke atas Pemohon yang mengandungi alasan-alasan beserta Dapatan yang telah saya sediakan menurut subseksyen 10(1) Akta tersebut kepada Lembaga Pencegahan Jenayah pada 10.09.2020 kerana:

a.

b.

u. pada 09.09.2020, saya berada di pejabat untuk menyediakan dan memuktamadkan laporan lengkap bertulis ke atas Pemohon serta subjek-subjek lain menurut subseksyen 10(2) Akta tersebut; dan

v. pada 10.09.202, laporan ke atas Pemohon yang mengandungi alasan-alasan serta Dapatan yang telah saya sediakan menurut subseksyen 10(2) Akta tersebut telah dikemukakan dan diterima oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

(penekanan diberikan)

d. Selanjutnya jika diteliti kepada Afidavit Jawapan Pengerusi LPJ (Lampiran 10), mahkamah ini mendapati Dapatan dan laporan Inkuiri bagi kes Pemohon telah disahkan oleh LPJ di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut. Ini jelas dapat dilihat di perenggan 6 Afidavit Pengerusi LPJ (Lampiran 10) apabila beliau berkata:

6. Pada 10.09.2020, Lembaga Pencegahan Jenayah telah menerima laporan yang mengandungi alasan-alasan serta Dapatan terhadap Pemohon di bawah subseksyen 10(2) Akta tersebut yang telah disediakan oleh Pegawai Siasatan yang dilantik di bawah seksyen 8 Akta tersebut iaitu Aziatul Afrizan binti Alias.

(penekanan diberikan)

e. Pengataan Pengerusi LPJ ini telah menyokong keterangan Pegawai Inkuiri di perenggan 15 (Lampiran 11) apabila beliau menyatakan telah menyediakan Dapatan dan laporan Inkuiri Pemohon menurut seksyen 10(2) Akta tersebut dan telah dikemukakan dan diterima oleh LPJ. [Sila rujuk perenggan 33 (c) di atas.]

f. Fakta yang menunjukkan laporan dan Dapatan Pemohon telah disediakan dan dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri kepada LPJ di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut telah dibuktikan selanjutnya oleh Pengerusi LPJ apabila beliau memaklumkan LPJ telah mengesahkan Dapatan Pegawai Inkuiri bahawa Pemohon adalah ahli kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Pengerusi LPJ telah menyatakan di perenggan 8 Afidavitnya seperti berikut: -

8. Pada 17.09.2020 jam 9.00 pagi, Lembaga Pencegahan Jenayah telah bersidang dan setelah mempertimbangkan Dapatan yang terkandung di dalam laporan siasatan ke atas Pemohon oleh Pegawai Siasatan yang telah dikemukakan di bawah subseksyen 10(2) Akta tersebut dan laporan lengkap penyiasatan ke atas Pemohon oleh pegawai penyiasat polis yang telah dikemukakan di bawah seksyen 4A Akta tersebut, Lembaga Pencegahan Jenayah telah berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon adalah anggota kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud-maksud yang meliputi perlakuan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam Kategori yang boleh didaftarkan di bawah Perenggan 2, Sahagian I, Jadual Pertama, Akta tersebut iaitu Pemohon terlibat dengan kegiatan penipuan skim pelaburan yang tidak wujud. Penglibatan Pemohon ini telah memudaratkan ketenteraman awam dan Pemohon perlu diambil tindakan di bawah Akta tersebut. Oleh yang demikian, Lembaga Pencegahan Jenayah telah mengesahkan Dapatan Pegawai Siasatan menurut perenggan 10A(2)(a) Akta tersebut. Oleh itu, nama Pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam Daftar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 12(1) Akta tersebut.

(penekanan diberikan)

[34]Oleh yang demikian, setelah meneliti keseluruhan fakta kes ini dan dibaca bersama keterangan Afidavit Pegawai Inkuiri (Lampiran 11) dan Afidavit Pengerusi LPJ (Lampiran 10), mahkamah ini berpendapat Dapatan dan laporan Pegawai Inkuiri ke atas Pemohon telah disediakan dan dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri kepada pihak LPJ di bawah seksyen 10 (2) Akta tersebut dan bukannya di bawah seksyen 10(1) Akta tersebut seperti yang didakwa oleh Pemohon.

Kesimpulan

[35]Berdasarkan apa yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpuas hati yang Dapatan dan laporan Inkuiri yang disediakan dan dikemukakan oleh Pegawai Inkuiri kepada LPJ telah dibuat di bawah seksyen 10(2) Akta tersebut.

[36]Mahkamah ini berpandangan isu tunggal yang dibangkitkan oleh Pemohon di dalam Permohonan Semakan ini adalah tidak bermerit.

[37]Oleh itu, Permohonan Semakan Kehakiman Pemohon di Lampiran 7 adalah dengan ini ditolak dengan kos sebanyak RM 2,000.00 kepada kesemua Responden secara global.